



## **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 15/2026**

### **MESYUARAT KHAS URUSAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI (PRU DN) JOHOR YANG KE-16**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) secara rasminya telah menerima notis daripada **YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, Speaker Dewan Negeri Johor** berhubung pembubaran Dewan Negeri Johor ke-15 pada **2 Jun 2026** sebagaimana termaktub di bawah Fasal 23 (2) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.
2. Berdasarkan Fasal 23 (4) Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 berkehendakkan suatu pilihan raya umum diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran Dewan Negeri tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, satu **Mesyuarat Khas** berkaitan urusan **Pilihan Raya Umum Dewan Negeri Johor Ke-16** akan diadakan pada **12 Jun 2026 (Jumaat)**.
4. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan **tarikh-tarikh penting PRU DN Johor Ke-16**

seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut.

5. Satu sidang media turut akan diadakan sejeurus selepas Mesyuarat Khas tersebut selesai.

Sekian, terima kasih.

**DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

5 Jun 2026 / 19 Zulhijah 1447H